

04 APR 2000

Parlimen-Maklumat

PENDEKATAN MENYEBAR MAKLUMAT MENGENAI MALAYSIA DI LUAR NEGARA BERBEZA

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Pendekatan yang digunakan kerajaan dalam menyebarkan maklumat mengenai Malaysia di luar negara adalah berbeza-beza berdasarkan kepada kumpulan khalayak tertentu.

"Walaupun pendekatannya berbeza, tindakan yang diambil adalah bersepadu dan bukannya sekadar reaksi terhadap sesuatu isu tertentu," kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Semua perwakilan Malaysia di luar negara dibekalkan dengan maklumat terkini mengenai dasar negara, perkembangan ekonomi, sosial dan politik di Malaysia, katanya semasa menjawab soalan Datuk Wira Abu Seman Yusof (BN-Alor Gajah) di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau berkata pembekalan maklumat berkenaan akan membolehkan perwakilan Malaysia menerang dan menyampaikan maklumat kepada khalayak di luar negara termasuk pelajar di samping untuk digunakan sebagai respons kepada laporan negatif oleh media di negara-negara berkenaan.

Syed Hamid berkata perwakilan Malaysia juga dibekalkan dengan akhbar-akhbar tempatan untuk diedarkan kepada masyarakat Malaysia di luar negara terutamanya pelajar.

Penyebaran maklumat juga turut dilakukan melalui e-mel dan laman web, katanya.

Selain itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah gagal untuk bertemu dengan masyarakat dan pelajar Malaysia di luar negara dalam setiap kali lawatannya begitu juga dengan Menteri Luar sendiri dan anggota-anggota pentadbiran kerajaan yang lain semasa lawatan rasmi mereka.

"Selain dari menyebarkan maklumat terkini, majlis perbincangan dan dialog diatur dan ini memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin mendapat maklumbalas dari mereka (masyarakat dan pelajar Malaysia di luar negara) mengenai isu-isu tertentu," katanya.

Syed Hamid berkata pendekatan-pendekatan berkenaan telah menampakkan kesan positif khususnya kepada kumpulan sasar tertentu.

Menjawab soalan tambahan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) yang ingin tahu sama ada maklumat yang diterima oleh perwakilan Malaysia di luar negara akan terus disebar atau menunggu sehingga sesuatu isu timbul, Syed Hamid berkata semua maklumat yang diberikan akan diolah semula oleh perwakilan Malaysia di luar negara dan diberikan kepada mereka yang memerlukan.

Ketika Lim Hock Seng (DAP-Bagan) meminta Syed Hamid menjelaskan pertemuan Perdana Menteri bersama pelajar Malaysia yang turut membincangkan isu bekas timbalan perdana Datuk Seri Anwar Ibrahim sedangkan kes masih dibicarakan mahkamah, Syed Hamid berkata sekiranya Lim menyatakan kes itu masih dalam perbicaraan mahkamah, perkara yang sama juga tidak boleh dibincangkan di Parlimen.

"Barangkali Yang Berhormat tidak arif," katanya sambil menjelaskan bahawa sekiranya seseorang pemimpin atau perwakilan tidak menerangkannya kepada khalayak dan pelajar, soalan mengenainya akan ditimbulkan juga.

"Ini kerana majlis dialog bukanlah satu majlis yang hanya Perdana Menteri atau menteri-menteri bercakap tetapi orang yang mendengar juga mempunyai hak untuk menyoal. Dan di dalam mereka menyoal kita tidak membuat penghakiman. Kita menerangkan apa yang mereka hendak ketahui," katanya.

Oleh itu ia tidak menjadi satu kesalahan, kata Syed Hamid.

-- BERNAMA

HS RON